

05 AUG 1997

Mahathir-Soros

DR MAHATHIR MASIH BELUM BUAT KEPUTUSAN UNTUK JUMPA SOROS

LANGKAWI, 5 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahahir Mohamad berkata beliau masih belum membuat keputusan sama ada akan berjumpa dengan pembiaya kewangan George Soros yang dikatakan ingin menjelaskan kedudukannya selepas dikenalpasti sebagai "penyangak" dalam serangan spekulatif terhadap beberapa mata wang Asean.

"Saya tidak tahu. Saya belum membuat keputusan," kata Dr Mahathir semasa ditanya sama ada beliau telah membuat keputusan mengenai permintaan Soros untuk menemuinya.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas melawat beberapa projek pembangunan di sini, beliau berkata: "Persoalannya bukan sama ada Soros bersedia menemui saya tetapi sama ada saya bersedia untuk berjumpanya."

Ketika ditanya bila beliau akan membuat pendirian, Dr Mahathir, secara berseloroh, memberitahu wartawan yang bertanya soalan itu "saya akan memberitahu saudara ... mungkin saya meminta kebenaran saudara terlebih dahulu."

Soros meminta untuk bertemu Perdana Menteri selepas Dr Mahathir mengenalpasti Soros sebagai orang yang bertanggungjawab memanipulasikan mata wang beberapa negara Asean, yang dikatakan sebagai hukuman kepada anggota kumpulan serantau itu menerima kemasukan Myanmar ke dalam Asean pada bulan lepas.

Perdana Menteri berkata beliau tidak tahu sama ada serangan spekulatif terhadap beberapa mata wang termasuk ringgit Malaysia masih berterusan.

Mengenai Umno, Dr Mahathir berkata Umno belum berbincang berhubung cadangan memanjangkan tempoh pemilihan Majlis Tertinggi parti.

"Saya tak tahu. Itu hanya cadangan umum sahaja," katanya berhubung cadangan untuk melanjutkan tempoh jawatan Majlis Tertinggi Umno daripada tiga ke lima tahun yang meliputi jawatan dari peringkat Presiden ke anggota Majlis Tertinggi.

Dr Mahathir, yang diiringi Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid melawat Galeria Perdana, Lapang Sasar Antarabangsa Langkawi dan projek Kampung Buku di Lubuk Semilang.

Projek Kampung Buku yang diilhamkan Sanusi akan dibuka kepada umum mulai Oktober. -- BERNAMA

NH AHH